



JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Aras 25-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

Telefon : 603-8891 5000
Faksimile : 603-8891 3090
Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Klit.4 (46)
Tarikh : 13 Sept. 2021

EDARAN MELALUI PORTAL JKT:

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID 34/2021 (22 HINGGA 28 OGOS 2021)

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, semakan data Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu epid **34/2021**, menunjukkan sebanyak **356 kes** Demam Denggi dan tiada kes kematian dilaporkan, iaitu berlaku penurunan kes sebanyak **54 kes (13.2%)** berbanding minggu epid **33/2021** iaitu **410** kes dengan tiada kes kematian dilaporkan. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan sehingga 28 Ogos 2021 adalah sebanyak **17,888** kes berbanding **69,815** kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2020, iaitu penurunan sebanyak **74.4% (51,927 kes)**. Perbandingan bilangan kes pada tahun 2020 dan 2021 ditunjukkan di **Lampiran A**.

3. Pada minggu epid **34/2021**, sebanyak **9** lokaliti *hotspot* denggi aktif dilaporkan di seluruh negara berbanding **10** lokaliti pada minggu epid **33/2021**. Ini menunjukkan penurunan sebanyak **10.0% (1 lokaliti)**. Maklumat lokaliti *hotspot* denggi mengikut negeri dan PBT adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot* denggi, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* denggi yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada (5) lima kawasan utama pembiakan aedes seperti taman mainan atau rekreasi, tumpuan awam, tanah atau lot kosong, kilang atau gudang dan tempat pembuangan sampah bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal. Selain itu aktiviti promosi kesihatan juga perlu ditingkatkan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pencegahan dan pengawalan denggi mengikut pematuhan kepada SOP dan arahan MKN.

Ruj.Kami: JKT.KS.1400-2 Klt.4 (46)
Tarikh : 13 Sept. 2021


5. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, situasi semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat-turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat <https://jkt.kpkt.gov.my/>.
6. Kerjasama dan komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,



(OOI POH KEONG)

Pengarah
Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran,
Jabatan Kerajaan Tempatan,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

s.k: YBhg. Dato' KP/JKT
TKP(T)/JKT



LAMPIRAN B**JUMLAH HOTSPOT AKTIF MINGGU EPID (ME) 33 DAN 34 MENGIKUT NEGERI
TAHUN 2021**

Bil.	Negeri	Minggu Epid 33		Minggu Epid 34	
		Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat	Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat
1.	Selangor	9	5	9	4
2.	Wilayah Persekutuan	1	1	0	0
	JUMLAH	10	6	9	4

***BILANGAN HOTSPOT AKTIF DI NEGERI SELANGOR**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	ME33/2021	ME34/2021
1.	MP Subang Jaya	4	5
2.	MB Petaling Jaya	2	1
3.	MB Shah Alam	1	1
4.	MP Kajang	1	2
5.	MD Hulu Selangor	1	0
	JUMLAH	9	9

*Maklumat ini hanya untuk negeri yang mempunyai kes tertinggi di dalam Malaysia sahaja.